

BN sentiasa utamakan

26 AUG 1990

cara majukan negara: Dr M

BERUAS, Isnin -- Dasar perindustrian yang dilaksanakan oleh kerajaan berjaya mewujudkan peluang pekerjaan sejajar dengan pertumbuhan penduduk, kata **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** hari ini.

Perdana Menteri berkata walaupun bilangan penduduk semakin bertambah dari setahun ke setahun, negara mampu menyediakan peluang pekerjaan melalui dasar itu.

"Malahan kini timbul keadaan di mana pekerjaan mencari pekerja, terutama dalam sektor perindustrian," kata beliau.

Ini satu contoh daripada kejayaan dasar-dasar **Barisan Nasional (BN)** yang memikirkan cara-cara untuk memajukan negara, kata **Datuk Seri Dr Mahathir** ketika berucap di perjumpaan bersama rakyat di Bakar Bata dekat sini.

Beliau berkata, melalui Tahun Melawat Malaysia (TMM), negara menarik banyak pelancong yang bukan sahaja membelanjakan wang di hotel-hotel, tetapi juga di gerai-gerai dan ini membantu rakyat semua la-

pisian menikmati faedah ekonomi yang ditetaskan oleh TMM.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata rakyat harus bersyukur kerana hidup dalam sebuah negara yang aman tanpa menghadapi suasana ketakutan seperti di negara-negara Teluk dan beberapa negara lain.

Rakyat menikmati kebebasan untuk bersuara dan berkumpul, tidak seperti di negara-negara yang Sentiasa menghadapi pelbagai pergolakan walaupun rakyatnya terdiri daripada pelbagai warna kulit dan kepercayaan yang sama, tambah beliau.

Perdana Menteri berkata dalam tempoh 33 tahun negara mencapai kemerdekaan, kemajuan yang dicapai melalui kerajinan, perikatan dan kemudiannya daripada jauh lebih banyak ra di bawajama tempoh nega-

Beliau berjajah. aman dan kebata, suasana menikmati kebebasan yang di mengadakan pits negara umum beberapa kali dmr ay a telah berpeluang membukyat

putusan tanpa sebarang rasa takut.

Dalam hubungan ini, beliau mengingatkan bahawa pilihan raya umum yang bakal diadakan bukanlah bertujuan memilih mana-mana individu menjadi wakil rakyat, tetapi yang lebih penting ialah bagi membolehkan rakyat menubuhkan kerajaan pilihan mereka sendiri.

Datuk Seri Dr Mahathir menasihatkan rakyat supaya tidak mudah terpengaruh dengan parti-parti pembangkang yang nampaknya telah mengetepikan prinsip perjuangan masing-masing kerana ingin memancing undi.

DAP pula mahu memeralatkan Semangat 46 walaupun mereka tahu parti serpihan orang Melayu itu tidak boleh berdiri sendiri, kerana mereka sedar bilangan undi yang kecil daripada penyokong parti itu boleh membantu kemenangan di pihak mereka, kata beliau.

Perdana Menteri menasihatkan pemimpin Semangat 46 termasuk anggota Dewan Undangan Negeri kawasan

Pengkalan Baru, **Datuk Haji Abdul Malik Ahmad**, supaya jangan diperalat oleh pucuk pimpinan parti itu.

Mengenai tindakan Pas mengadakan bantahan di Kedutaan Amerika Syarikat terhadap kehadiran tentera negara itu di Arab Saudi, **Perdana Menteri** berkata Arab Saudi mempunyai hak untuk memanggil sesiapa saja yang disukainya untuk mempertahankan negaranya sendiri.

Turut berucap pada majlis itu ialah **Presiden MCA**, **Datuk Seri Dr Ling Liong Sook**; **Presiden MIC**, **Datuk Seri S Samy Vellu**; **Presiden Gerakan**, **Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik**; **Presiden Parti Kemajuan Rakyat Malaysia (PKR)**, **Datuk Mak Hon Kam** dan **Menteri Besar**, **Tan Sri Ramli Ngah Talib**.

Perdana Menteri kemudian melawat kilang memproses ayam Dinding Poultry usahasama dengan syarikat Jepun di Kampung Acheh di Sitiawan. Beliau juga mengadakan perjumpaan tertutup dengan pemimpin BN negeri di Lumut. — Bernama